



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

“MASJIDIL AQSA DAN NILAI KEMANUSIAAN”

4 Mac 2022 / 1 Syakban 1443

الْحَمْدُ لِلّٰهِ¹ الْعَالِيِّ :

**سُبْحَانَ اللَّٰهِ الَّذِي أَنْسَرَنِي بِعَبْدِهِ لَيَلَّا مِنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَى الَّذِي بَرَكَنَا
حَوْلَهُ وَلِرُبِّهِ وَمِنْ عَابِرَتِنَا إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْمَصِيرُ**

(Surah Al-Isra' ayat 1)²

أَشَهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشَهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ³ وَعَلَى أَلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا
اللَّهَ⁴ أَوْ صِنْكُومْ وَإِيَّاهِي بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita bertakwa ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan menjauhi segala larangan Nya; semoga iman dan takwa kita terus subur, tersemat kemas dalam jiwa dan sanubari sehingga saat kita menemui yang Maha Esa. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk: “MASJIDIL AQSA DAN NILAI KEMANUSIAAN”.

Firman Allah SWT dalam ayat pertama Surah Al-Isra' bermaksud:

“Maha Suci Allah, yang telah memperjalankan hamba Nya pada suatu malam dari Masjidil Haram ke Masjidil Aqsa, yang telah Kami berkati sekelilingnya, agar Kami memperlihatkan kepadanya sebahagian daripada tanda-tanda (kekuasaan) Kami, sesungguhnya Dia Maha Mendengar lagi Maha Melihat”.

Ayat tersebut mengisahkan peristiwa Israk dan Mikraj, peristiwa yang secara khusus mengaitkan pensyariatan solat, iaitu hubungan manusia dengan Allah (حَبْلٌ مِّنَ اللَّهِ). Mewajibkan manusia menunaikan solat lima waktu sehari semalam, ialah perintah yang diterima oleh Rasulullah SAW secara langsung daripada Allah SWT. Mimbar akan turut membincangkan

¹ Memuji Allah

² Ayat Al-Quran

³ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁴ Pesan Taqwa



hubungan manusia sesama manusia (جَبْلُ مِنَ النَّاسِ) dan kaitannya dengan peristiwa Israk dan Mikraj.

Dalam peristiwa Israk dan Mikraj, Masjidil Aqsa yang terletak di Baitul Maqdis, bumi Palestin, menjadi perantara perjalanan dari bumi ke langit. Di Masjidil Aqsa, Nabi Muhammad SAW telah mengimamkan solat bersama para anbia. Peristiwa ini menjadi asas bahawa baginda ialah penghulu para anbia, dan syariat baginda adalah untuk semua umat manusia.

Baitul Maqdis merupakan tempat suci bagi tiga penganut agama, iaitu Islam, Kristian dan Yahudi. Baitul Maqdis merupakan tempat suci umat Islam, kerana di situ lah terletaknya Masjidil Aqsa, kiblat pertama umat Islam, dan masjid ketiga paling mulia. Rasulullah SAW bersabda:

لَا تُشَدُّ الرِّحَالُ إِلَّا إِلَىٰ ثَلَاثَةِ مَسَاجِدِهِ: الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ وَمَسْجِدِي هَذَا، وَالْمَسْجِدِ الْأَقْصَى.

Maksudnya: Tidak dituntut melakukan perjalanan yang jauh, melainkan ke tiga buah masjid; Masjidil Haram, masjid ku ini (Masjid Nabawi), dan Masjidil Aqsa.

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Masjidil Aqsa dan bumi Palestin kini berada di bawah cengkaman Yahudi Zionis. Sejak tertubuhnya negara Israel pada 14 Mei 1948, bermulalah siri pembantaian rakyat Palestin secara terancang. Rakyat Palestin dihalau, dirampas tanah dan harta benda, dan ramai yang turut dibunuh. Kawasan yang dicerobohi Yahudi Zionis semakin melebar, akibatnya bangsa Arab Palestin ‘terpenjara’ di kawasan Ghaza dan Tebing Barat.

Hampir 6 juta rakyat Palestin menjadi pelarian, merupakan jumlah teramai yang direkodkan dalam sejarah masyarakat pelarian. Mereka tinggal di khemah-khemah dalam keadaan yang amat daif dan serba kekurangan.

Walaupun kelihatan secara zahir, umat Islam masih boleh beribadah di Masjidil Aqsa, tetapi kebenaran untuk beribadah adalah tertakluk kepada kawalan ketat tentera Israel. Malah tentera Israel pada bila-bila masa boleh menceroboh Masjidil Aqsa, bertindak ganas, mengganggu umat Islam yang mahu beribadat; seperti yang dilakukan pada 10 Mei 2021 terhadap penduduk Palestin yang sedang melaksanakan ibadah semasa bulan Ramadan.

Umat Islam di bumi Palestin terus ditindas secara kejam. Mereka menanggung azab derita. Nasib malang yang sedang menimpa mereka hendaklah menginsafkan kita, ditafsirkan sebagai pengajaran dan ujian Ilahi terhadap seluruh masyarakat Islam di serata dunia. Pemimpin Islam, negara Islam dan umat Islam yang telah dilimpahi nikmat kekayaan dan



kesenangan, mempunyai tanggungjawab sesama manusia untuk membantu mereka yang sedang berada dalam kesusahan. Sabda Rasulullah SAW:

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّىٰ يُحِبَّ لِأَخِيهِ مَا يُحِبُّ لِنَفْسِهِ.

Maksudnya: Tidak sempurna iman seseorang kamu sehingga dia menyukai bagi saudaranya, seperti mana dia menyukai sesuatu pada dirinya. (Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Mimbar menyeru dan memperingatkan para jemaah kepada perkara-perkara berikut:-

Pertama: Masjid Al-Aqsa mempunyai kedudukan amat mulia, merupakan kiblat pertama umat Islam, tempat berlakunya peristiwa Israk dan Mikraj, serta masjid ketiga yang dituntut untuk kita beribadat di dalamnya. Adalah menjadi kewajipan umat Islam untuk mempertahankan kemuliaan Masjid Al-Aqsa.

Kedua: Solat merupakan perintah yang disampaikan secara langsung dari Allah SWT kepada Rasulullah SAW tanpa perantaraan Malaikat Jibrail AS, oleh itu tanggungjawab menunaikan solat lima waktu setiap hari, wajib dilaksanakan, dan jangan sama sekali diabaikan, agar hidup kita mendapat berkah, lindungan dan panduan Ilahi.

Ketiga: Umat Islam di seluruh dunia mempunyai tanggungjawab fardu kifayah dan tanggungjawab kemanusiaan untuk menghulurkan bantuan kepada penduduk Palestin.

Keempat: Doa ialah senjata rohani. Umat Islam perlu senantiasa berdoa semoga Allah SWT memberikan kekuatan dan kesejahteraan, serta memberikan perlindungan dan pembelaan terhadap kumpulan yang lemah dan dizalimi; di samping memohon agar Allah SWT menurunkan pembalasan untuk dijadikan pengajaran kepada pihak-pihak yang melakukan kezaliman.

**بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقْبِيلِ
مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءُ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ
إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.**



Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁵ الَّذِي بِنِعْمَتِهِ تَعْمَلُ الصَّالِحَاتِ. أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁶ وَعَلَى أَهْلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! إِتَّقُوا اللَّهَ⁷ وَكُوئُنُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabi'in. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkanlah rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutamanya solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوَاتٌ عَلَيْهِ وَسَلَامٌ تَسْلِيمًا⁸
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمَيْنِ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَحِيدٌ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ⁹ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَأَصْلِحْ ذَاتَ يَنْهِمْ وَالْفَيْنَ قُلُوبَهُمْ
وَاجْعُلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ وَثِيقَتُهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ. اللَّهُمَّ انصُرِ الإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ فِي فَلَسْطِينَ، وَفِي كُلِّ مَكَانٍ
وَفِي كُلِّ زَمَانٍ.
اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبُلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ عَنْ بَلِدِنَا هَذَا خَاصَّةٌ
وَعَنْ سَائِرِ بُلْدَانِ عَامَّةٍ.

Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!, Selamatkanlah Masjidil Aqsa dan rakyat Palestin dari cengkaman Yahudi Zionis. Bantulah hamba-hamba Mu yang dizalimi dan yang ditimpah pelbagai musibah.

⁵ Memuji Allah

⁶ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁷ Pesan Taqwa

⁸ Ayat Al-Quran

⁹ Doa untuk kaum muslimin



Ya Razzaq, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai rezeki yang berlipat ganda kepada mereka, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan fuqara dan masakin daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Dzal Jalaali wal Ikram!, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

Ya Maalikal Mulk!, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Malik! Ya Hadi!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَإِلَيْهِ الْحَسَنَاتِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاتِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَإِذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَإِشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.